

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HIT 304 Tinjauan Pemikiran Ahli-Ahli Falsafah Islam

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi TUJUH (7) soalan dalam DUA (2) muka surat

Jawab EMPAT (4) soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Bincangkan secara kritis bagaimanakah falsafah, pengertian, tujuan dan tahap-tahap pelaksanaan pendidikan sebagaimana yang terdapat di dalam karya besar al-Rasā'il oleh pemikir Ikhwan al-Safā' dapat digunakan untuk menilai falsafah, pengertian, tujuan dan tahap-tahap dalam sistem pendidikan Malaysia kini.
2. Sejauhmanakah anda bersetuju dengan kenyataan bahawa "Hikmat/Falsafah Ketimuran (al-Hikmat al-Mashriqiyat) seperti yang dibicarakan oleh Ibn Sīnā (umpamanya, di dalam Risalat al-Tayr) di peringkat akhir hayatnya dapat disimpulkan sebagai falsafah mengenai pencarian kebenaran dan makna hidup yang hakiki."
3. Haiy' Ibn Yagzān mendemonstrasikan prinsip pegangan hidup wakilan kumpulan ahli-ahli fekah dan ahli-ahli şufi. Bincangkan.
4. Kenapakah nama "Guru Kedua" diberikan kepada al-Farabi? Jelaskan juga bagaimana pengalamannya sebagai qadi mendorongnya untuk mendalami beberapa ilmu lain ATAU jelaskan doktrinya tentang jiwa insan.
5. Bincangkan secara kritis bagaimanakah al-Ghazzālī mengharmoniskan ilmu-ilmu figh, kalam, tasauwuf dan falsafah dalam amalan hidupnya.

6. Dengan merujuk kepada beberapa karya tertentu karangan Muḥyi al-Dīn ibn 'Arabī, bahaskan ajarannya mengenai fungsi fakulti imaginasi dalam kehidupan manusia pada peringkat peribadi dan pada peringkat perhubungan dengan Ilahi.
7. Huraikan dengan mendalam tiga (3) peringkat utama dalam ontologi Mulla Sadra (Sadr al-Din Shirazi) seperti yang terkandung di dalam ajaran al-ḥikmat al-muta'aliyahnya dan tunjukkan peri pentingnya ajaran beliau bagi tujuan pembinaan kehidupan insan yang sempurna.

-oooOOoooo-